

Bahagian A

Kehendak soalan : **Faedah-faedah amalan bergotong-royong.**

Isi :

1. Memupuk semangat perpaduan
2. Menjimatkan kos penyelenggaraan
3. Mewujudkan persekitaran yang bersih
4. Dapat menghindari sikap mementingkan diri sendiri
5. Dapat mewujudkan masyarakat yang aman dan harmoni
6. Amalan bergotong-royong dapat mengeratkan hubungan kejiwaan antara satu sama lain

Bahagian B

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Guru merupakan insan yang banyak berjasa dalam hidup seseorang dan mereka sewajarnya kita hormati seperti kita menghormati ibu bapa kita.

Sebagai pelajar, jelaskan cara-cara anda menghargai jasa dan pengorbanan guru anda.

Kehendak soalan : Cara-cara anda menghargai jasa dan pengorbanan guru anda

Kemungkinan jawapan : Calon menerangkan jasa guru secara umum tanpa merujuk kepada peranan diri pelajar – maksimum markah : kepujian

* Calon mesti menggunakan kata ganti nama diri pertama – saya

Cadangan isi :

- meraikan sambutan Hari Guru dengan penuh keikhlasan - memberikan cenderamata untuk meluahkan penghargaan kepada guru
- sentiasa bekerjasama dengan guru dan berdisiplin - dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang tenteram dan kondusif - memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran
- menumpukan perhatian semasa guru mengajar - menunjukkan sikap menghormati dan bersopan santun terhadap guru
- menghadihkan kecemerlangan kepada guru dari segi akademik dan kokurikulum - guru berasa bangga

- 2 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan kebahagiaan sesebuah keluarga.

Bincangkan.

Kehendak soalan : Peranan ibu bapa dalam pembentukan keluarga bahagia

Kemungkinan jawapan : Calon menerangkan sebab-sebab / faktor-faktor menentukan kebahagiaan sesebuah keluarga - maksimum markah : kurang memuaskan

Cadangan isi :

- keakraban hubungan keluarga – ibu bapa rapat dengan anak-anak – adik-beradik saling bertolak ansur
- sentiasa melapangkan masa dengan anak-anak – terutama pada waktu makan – wujudkan perasaan saling mengenali
- cuti bersama-sama keluarga pada hujung minggu – ahli keluarga berasa seronok dan dihargai – dapat mengetahui masalah anak-anak – anak-anak akan lebih rapat dengan keluarga berbanding dengan orang lain

4

- membantu anak-anak dalam pelajaran – meluangkan masa untuk bersama-sama dengan anak ketika belajar – anak-anak berasa mereka diberikan perhatian – membantu masalah pelajaran anak-anak
- menyediakan makanan untuk anak-anak – anak-anak akan menghargai keprihatinan ibu bapa – melahirkan suasana yang lebih bahagia

3 Pendidikan merupakan aspek penting dalam melahirkan pekerja yang berkemahiran.

Huraikan sebab-sebab pendidikan perlu dalam melahirkan pekerja yang berkemahiran.

Kehendak soalan : Kepentingan pendidikan dalam melahirkan pekerja / Sebab-sebab pendidikan perlu dalam melahirkan pekerja yang berkemahiran

Kemungkinan jawapan : Calon menerangkan langkah-langkah melahirkan pekerja yang berkemahiran – maksimum markah : kurang memuaskan

Cadangan isi :

- Pendidikan formal menyediakan asas dalam bidang yang ingin diceburi- Aliran sains dan sastera merupakan satu asas untuk menyediakan seseorang itu memilih pekerjaan/bidang yang sesuai.
- Pendidikan peringkat ketiga seperti diploma, ijazah membolehkan mereka melakukan persediaan atau pengkhususan dalam bidang tertentu- bidang perubatan- melahirkan pekerja mahir.
- Pendidikan teknik dan vokasional – memberi peluang dan mencungkil kebolehan dalam bidang teknikal dan vokasional agar mereka mahir dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.
- Pendidikan dalam bidang kemanusiaan dan keagamaan akan melahirkan pekerja yang bukan sahaja mahir dalam pekerjaannya malah membentuk seseorang pekerja yang sihat sahsiahnya serta mahir menyelesaikan masalah.

4 Bencana alam yang melanda negara di dunia memberi pelbagai kesan.

Bincangkan pernyataan tersebut.

Kehendak soalan : Kesan-kesan bencana alam

Kemungkinan jawapan : Calon berkemungkinan menerangkan punca dan cara mengatasinya – maksimum markah : kurang memuaskan

Cadangan isi :

- Menjejaskan ekonomi negara di dunia-banjir yang melanda Australia, China dan Vietnam dan Malaysia merosakkan kawasan pertanian, perindustrian dan perniagaan tidak dapat dijalankan.
- Menjejaskan kesihatan penduduk – gempa bumi dan tsunami di Jepun menyebabkan banyak rakyat terdedah kepada penyakit kerana keperluan asas seperti air bersih tidak mencukupi.

5

- Meningkatkan kos pemuliharaan negara kerana banyak kemudahan asas yang rosak-perhubungan, pengangkutan terputus dan rosak memerlukan kos membaik pulih yang banyak
- Hutang negara meningkat – kerajaan terpaksa mendapatkan bantuan kewangan daripada negara luar atau Bank Dunia untuk memulihkan ekonomi, pembangunan negara – akhirnya menyebabkan kemajuan negara lambat dan kebergantungan kepada negara luar - Vietnam dan Pakistan.

5 Filem tempatan merupakan wadah untuk memperkenalkan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Sebagai wartawan sebuah majalah, anda ditugaskan untuk menulis rencana bertajuk Peranan Pembikin Filem Dalam Memperkenalkan Budaya Masyarakat Berbilang Kaum.

Tulis rencana itu selengkapnya.

Kehendak-soalan : --- Peranan atau tanggungjawab pembikin filem dalam memperkenalkan budaya masyarakat Malaysia

Kemungkinan jawapan : Calon berkemungkinan menerangkan kepentingan filem tempatan – maksimum markah : kurang memuaskan
Calon berkemungkinan mengemukakan / menganalisis filem yang pernah ditonton – maksimum markah : pencapaian minimum

Format : Rencana

Cadangan isi :

- Pembikin filem memasukkan unsur-unsur kebudayaan masyarakat Malaysia – cara hidup masyarakat berbilang kaum sebagai latar filem - Filem Papadom
- Pembikin filem menggunakan penempatan masyarakat tertentu sebagai lokasi penggambaran - secara langsung akan memperkenalkan tradisi kaum berkenaan – penggambaran di perkampungan Orang Asli, Melayu dan rumah panjang kaum Iban atau Bidayuh di Sarawak.
- Pembikin filem membuat filem berunsurkan kebudayaan masyarakat di Malaysia – satu dokumentasi yang boleh diwarisi generasi akan datang tentang budaya masyarakat Malaysia.
- Pembikin filem menyelitkan permainan tradisional dalam filem mereka secara tidak langsung - membolehkan generasi muda tahu dan ingin bermain permainan ini – cth; Filem-Jangan Pandang Belakang Congkak telah memperkenalkan alat permainan congkak kepada generasi muda orang Melayu di samping membolehkan masyarakat lain tahu permainan tradisional orang Melayu - secara langsung dapat menarik minat dan mengekalkan permainan ini dalam masyarakat Malaysia moden.

*Calon tidak menulis mengikut format rencana – potong 2 markah

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

Pendahuluan

Markah

Petikan membincangkan cara-cara/ langkah-langkah / tindakan-tindakan / pendekatan yang digunakan untuk mengatasi pencemaran alam / di Malaysia @ dalam kalangan masyarakat.

2

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

Usaha membendung pencemaran alam

1. mempromosikan usaha memelihara alam sekitar 2
2. memberikan pendidikan awal kepada golongan kanak-kanak 2
3. mengasuh mereka menggunakan sumber alam secara berhemat 2
4. menggalakkan mereka membuang sampah di tempat yang disediakan 2
5. mengajar anak-anak mengumpul bahan-buangan 2
6. mendidik anak-anak membuat baja kompos dengan sisa makanan 2
7. majalah-majalah atau surat khabar lama boleh digunakan semula oleh kanak-kanak 2
8. terapkan sifat berjimat cermat seperti menggunakan barang-barang lama dan dijadikan kraf tangan 2
9. pakaian kanak-kanak yang tidak digunakan boleh didermakan kepada rumah-rumah kebajikan atau anak yatim 2
10. menggalakkan mereka menyertai program berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar 2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

Kepentingan mewujudkan alam sekitar yang bersih

1. persekitaran menjadi bersih dan sedap mata memandang 2
2. pelbagai bencana seperti tanah runtuh dan banjir kilat dapat dielakkan 2
3. memudahkan usaha kerajaan membendung penyakit berjangkit 2
4. rasa cinta terhadap alam sekitar dapat diwujudkan 2

(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan

Kesimpulannya, alam sekitar yang bersih perlulah dikekalkan agar generasi akan datang dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

2

Soalan 2: Pemahaman

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Markah

(i) Maksud

- membuka cara berfikir 2
- menggalakkan penaakulan 2
- menolong membuat pertimbangan dengan logik 2

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Sikap negatif

- majoriti masyarakat seolah-olah belum peka dengan masalah alam sekitar 1
- masyarakat menganggap masalah alam sekitar tanggungjawab kerajaan sepenuhnya 1
- masyarakat menganggap hal-hal alam sekitar tidak penting berbanding perut yang perlu diisi 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Kesan

- kemusnahan alam sekitar secara besar-besaran akan berlaku 1
- sampah sarap dan bahan buangan akan terbiar di kawasan lapang lalu menyebabkan jangkitan penyakit berbahaya 1
- penebangan hutan secara berleluasa akan menyebabkan kekurangan udara segar 1
- industri pelancongan akan lumpuh akibat destinasi pelancongan yang tidak terpelihara 1

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) - Petikan Drama

(i) Harapan

- mengambil alih tanggungjawab mengajar ilmu silat 1
- meneruskan aktiviti silat di gelanggang 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Usaha-usaha

- mempersembahkan seni silat dalam majlis rasmi sekolah seperti Hari Anugerah Cemerlang Sekolah
- memperkasakan persatuan seni silat dalam aktiviti kokurikulum
- menggunakan bahan bacaan tentang ilmu silat dalam pengajaran Bahasa Malaysia
- menayangkan cerita/drama yang berkaitan dengan seni silat pada waktu rehat atau di luar waktu pengajaran

[Maksimum : 3 markah]

Markah

(iii) Satu nilai murni yang terdapat dalam petikan

- Nilai hemah tinggi, contohnya, Ripin dan Mariam memohon maaf daripada Tuk Wali sekiranya mereka telah melakukan kesilapan. 1 + 1
- Nilai mencintai warisan budaya bangsa, contohnya, Tuk Wali mahu Ripin dan Mariam meneruskan usaha mengajar seni silat kepada anak-anak muda di kampung. 1 + 1
- Nilai kesedaran, contohnya, Tuk Wali sedar bahawa dia sudah tua dan tidak berdaya untuk mengajar seni silat dan perlu mencari pengganti. 1 + 1
- Nilai rendah diri, contohnya, Ripin dan Mariam tidak sanggup mengambil alih tugas Tuk Wali walaupun mereka merupakan anak murid terbaik Tuk Wali. 1 + 1
- Nilai mementingkan ilmu, contohnya, Tuk Wali memujuk Ripin dan Mariam agar meneruskan usaha mengajar ilmu silat. 1 + 1

Satu nilai murni lain dalam drama

- Nilai kegigihan, contohnya, walaupun Tuk Wali demam tetapi dia tetap hendak mengikut Ripin ke rumah Haji Kodri untuk bersilat dalam majlis kenduri kahwin. 1 + 1
- Nilai mencinta akan kampung halaman, contohnya, Tuk Wali tidak keluar mencari harta semata-mata untuk mempertahankan Teluk Penyabung. 1 + 1
- Nilai keberanian, contohnya, Tuk Wali berani melawan komunis dan menentang perompak. 1 + 1
- Nilai menghormati tetamu, contohnya, walaupun tujuan kedatangan Siak dan imam ke rumah amat menjengkelkan Mak Umi, namun dia tetap melayan mereka dengan mesra. 1 + 1
- Nilai kerajinan, contohnya, Tuk Wali mengisi masa dengan aktiviti berfaedah seperti mengajar anak muda bersilat, sebagai pencari akar kayu untuk dibuat ubat-ubatan, meracik, mengurut dan mengubati penyakit yang tidak diterima oleh doktor. 1 + 1

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

(i) Maksud

- bermaksud semua yang ada telah ditentangnya. 2

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Nasib

- seramai 20 orang tertangkap 1
- seramai 200 orang lari ke dalam kota untuk mengelakkan ditangkap oleh jin empat orang itu 1
- Jin empat orang itu tidak juga mati-mati. 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Sebab-sebab

- ketaatan kepada Raja Bahrum Dewa. 1

Markah

- Mereka dalam jumlah yang ramai berkeyakinan dapat menewaskan jin empat orang. 1
- Mereka terpaksa berperang kerana pekerjaan mereka adalah untuk memastikan keselamatan raja mereka. 1

[Maksimum : 3 markah]

Soalan 2 (d) – Petikan Sajak

(i) Nasihat

- Penyajak menasihati remaja supaya mengisi usia mereka dengan menentukan hala tuju dan matlamat hidup. 2

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Sebab-sebab

- Kekurangan didikan agama 1
- Terpengaruh dengan budaya negatif dari Barat 1
- Terpengaruh oleh rakan sebaya 1

[Maksimum : 3 markah]

(iii) Pengajaran

- Remaja hendaklah mempunyai matlamat yang jelas supaya mereka mempunyai perancangan hidup yang betul 1 + 1
- Remaja hendaklah bijak mengisi masa lapang supaya tidak menyesal pada hari kemudian 1 + 1
- Remaja hendaklah mengejar dan menguasai ilmu pengetahuan agar dapat hidup dengan jaya 1 + 1
- Kita hendaklah menghargai usia remaja kita kerana zaman remaja hanya hadir sekali dalam hidup kita 1 + 1

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.

6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

Jawapan 3(a)

(i) **baik - baik-baik**

baik – maksud m.s. 108 (Kamus Dewan edisi keempat)

1. memberi faedah apabila menggunakannya (melihat, membaca, dsb), elok
2. memuaskan hati dari segi rupa (mutu, kegunaan dll), elok
3. tidak jahat (kelakuan, dll)
4. pulih, sembuh
5. sangat sesuai dan rapat (bukan perhubungan, persahabatan) dsb)

Rendang itu masih baik dan boleh dimakan.

~~baik-baik – maksud m.s. 108 (Kamus Dewan edisi keempat)~~

1. (sbg pesanan) berjaga-jaga dalam melakukan sesuatu, hati-hati
2. dengan rapi (menjaga @ memelihara sesuatu)
3. dengan teliti (melakukan sesuatu)

Belajarlah baik-baik di rantau orang agar menjadi contoh kepada adik-adik di sini.

(ii) **jarang - jarang-jarang**

jarang – maksud m.s. 610 (Kamus Dewan edisi keempat)

1. tidak rapat, renggang, bersela-sela, tidak kedap (tenunannya dll)
2. tidak lebat, tidak padat

Pelajar perempuan dilarang menggunakan baju daripada kain yang jarang semasa di sekolah.

jarang-jarang – maksud m.s. 610 (Kamus Dewan edisi keempat)

1. tidak sering, tidak kerap, tidak selalu, tidak lazim

Saudara kembar itu jarang-jarang menonton wayang sejak berpindah ke sekolah kami.

(iii) **suka - suka-suka**

suka – maksud m.s. 1534 – 1535 (Kamus Dewan edisi keempat)

1. perasaan girang dalam hati
2. girang hati, senang hati
3. mahu (mengerjakan sesuatu), rela, sudi
4. gemar akan
5. setuju (dengan, cocok, sesuai)
6. kehendak (kemahuan) hati
7. menaruh kasih (kepada), cinta (akan), sayang (akan)
8. berkenan akan, mahu akan
9. mudah sekali, kerap kali, selalu, sering kali

Ayah sangat suka akan puding jagung yang dimasak oleh ibu.

Suka-suka - maksud m.s. 1535 (Kamus Dewan edisi keempat)

1. seronok-seronok

Saya menghantar karya ke majalah secara suka-suka sahaja untuk mengisi masa lapang.

Jawapan 3(b)

- (i) Di Malaysia hampir dua pertiga sumber air kita digunakan oleh sektor pertanian.
- (ii) Sektor ini adalah antara sektor yang banyak mencemar air.
- (iii) Sektor ini adalah antara sektor yang banyak membazirkan air.
- (iv) Tiada sistem pengurusan permintaan air bagi sektor ini.
- (v) Ladang-ladang penternakan haiwan menjadi punca pencemaran.
- (vi) Penternakan hidupan akuatik dalam sangkar juga menjadi punca pencemaran.

Jawapan 3(c)

- | | | |
|-------------------|---|--------------------|
| (i) bumi putera | - | bumiputera |
| pemilikan | - | pemilikan |
| (ii) 1990an | - | 1990-an |
| belatarbelakangan | - | berlatarbelakangan |
| (iii) injinnya | - | enjinnya |
| berlayar | - | belayar |

Jawapan 3(d)

- | | | |
|---------------------|---|--------------|
| (i) menumpang | - | membonceng |
| di | - | pada |
| (ii) laju | - | maju |
| pelanggan-pelanggan | - | pelanggan |
| (iii) di antara | - | antara |
| digantungkan | - | ditangguhkan |

Jawapan 3(e) Peribahasa

- (i) Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- (ii) Sudah terhantuk baru tengadah
- (iii) Lain yang makan nangka, lain yang kena getah

Soalan 4 : Novel

Markah penuh 15 markah

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a)
 - i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 - iii) Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang lengkap/jelas berserta huraian
 - iv) Beri 1 markah bagi peristiwa yang kurang lengkap/kurang jelas
 - v) Markah isi maksimum 4 markah
 - vi) Markah bahasa maksimum 3 markah

- vii) Markah bahasa diberi secara impression
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 - ix) Calon tidak menjawab 0 markah
- (b)
- i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 - iii) Beri 1 markah untuk 1 persamaan latar masyarakat dan beri 2 markah untuk huraian / contoh yang lengkap / jelas
 - iv) Beri 1 markah untuk 1 perbezaan latar masyarakat dan beri 2 markah untuk huraian / contoh yang lengkap / jelas
 - v) Markah bahasa maksimum 2 markah
 - vi) Markah bahasa diberi secara impression
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 - viii) Calon tidak menjawab 0 markah

Jawapan Soalan 4

- (a) Terdapat banyak peristiwa menarik yang disampaikan oleh pengarang melalui novelnya.

Huraikan **dua** peristiwa yang mengandungi unsur saspens dalam **satu** novel yang anda telah pelajari.

[7 markah]

Novel Melunas Rindu

- (a) Peristiwa Fuad ternampak fail rawatan tertera nama ibu Farhana sama dengan nama ibu kandungnya, iaitu Mariana Binti Osman
Pembaca tertanya-tanya sama ada orang itu orang yang sama atau orang lain.
Pembaca juga ingin tahu tindakan Fuad jika itu benar mereka seibu.
- (b) Peristiwa Fuad mendapat nota di atas mejanya di bilik guru
Pembaca tertanya-tanya tentang identiti si penghantar nota yang mahu menemui Fuad pada masa itu.
- (c) Peristiwa kemunculan Robert Lim di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA)
Pembaca tertanya-tanya tentang tujuan kedatangan Robert Lim pada waktu keberangkatan Fuad, Mariana dan keluarga Pak Ismail ke Makkah.

Novel Kabus di Perbukitan

- (a) Peristiwa Benny dikehendaki oleh Polis Antarabangsa
Pembaca tertanya-tanya tentang kesalahan Benny dan sama ada Benny ditangkap atau tidak.

- (b) Peristiwa Zain membawa keluarganya ke Tanah Tinggi Cameron (Cameron Highlands) untuk berjumpa dengan keluarga Anne.
Pembaca ternanti-nanti dengan saspens saat-saat bapa Zain bersemuka dengan Faridah, kekasih kepada arwah kembar Faridah.
- (c) Peristiwa kehilangan Faridah dan Iqbal yang terlibat dalam kemalangan di Bukit Fraser
Pembaca tertanya-tanya tentang nasib mereka berdua sama ada masih hidup atau mati.
- (b) Berdasarkan dua novel yang anda pelajari, bandingkan satu persamaan dan satu perbezaan latar masyarakat dalam novel-novel tersebut.

[8 markah]

Novel Melunas Rindu dan Kabus di Perbukitan

(a) Persamaan latar masyarakat

- Kedua-dua novel memaparkan masyarakat yang tidak bertanggungjawab. Dalam novel Melunas Rindu, watak Robert Lim/Roslan dan watak Kamarudin yang terdapat novel Kabus di Perbukitan masing-masing meninggalkan keluarga tanpa memedulikan mereka. Sebagai ketua keluarga, mereka sepatutnya bertanggungjawab membesarkan anak-anak dan bukan meninggalkan mereka dengan berkahwin lain.
- Kedua-dua novel memaparkan masyarakat yang penyayang. Dalam novel Melunas Rindu, Farhana amat menyayangi ibunya. Buktinya dia bergegas ke hospital sebaik sahaja mendapat berita tentang ibunya dimasukkan ke hospital. Begitu juga dengan Hamidah dalam novel Kabus di Perbukitan, dia terus pergi menjaga Rahayu yang sedang mendapatkan rawatan di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) dengan penuh kasih sayang.

(b) Perbezaan latar masyarakat

- (a) Dalam novel Melunas Rindu, terdapat masyarakat yang tabah menghadapi kenyataan/ujian Ilahi.
Buktinya, Fuad dan Farhana tabah menerima ujian Ilahi dengan menemukan Fuad dengan ibu kandungnya yang juga merupakan ibu kandung Farhana. Oleh sebab itu, Fuad akur bahawa Farhana ialah adik seibunya dan mereka tidak boleh bercinta.

Dalam novel Kabus di Perbukitan pula, terdapat masyarakat yang tidak kuat menghadapi kenyataan.

Buktinya, Faridah sedih atas kematian suami dan ibunya. Untuk melarikan diri daripada kenangan pahit ini, dia mengambil keputusan menerima tawaran untuk berkursus di New Zealand. Dia berada di luar negara selama 25 tahun untuk melupakan peristiwa pahit tersebut.

- (b) Dalam novel Melunas Rindu, terdapat masyarakat yang mementingkan dirinya sendiri.
Buktinya, ibu Robert Lim sangat mementingkan dirinya sendiri dengan kejamnya memisahkan Robert Lim dan Mariana yang sarat mengandung.

Dalam novel Kabus di Perbukitan pula, terdapat masyarakat yang mementingkan hubungan kekeluargaan.

Buktinya, ayah Melina sanggup menemani anaknya Melina ke Dubai untuk bertemu dengan keluarga Benny bagi mengetahui keadaan Benny.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT